

Tujuh elemen tangani isu jenayah seksual kanak-kanak

➔ Rang undang-undang terpakai bagi kanak-kanak bawah 18 tahun

Laporan Nazura Ngah,
Luqman Arif Abdul Karim
dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam untuk bacaan kali pertama mengandungi tujuh elemen penting bagi menangani isu jenayah seksual kanak-kanak secara menyeluruh.

Elemen diperuntukkan dalam rang undang-undang berkenaan adalah bagi kesalahan tambahan untuk menyokong undang-undang sedia ada iaitu peruntukan bagi kesalahan berkaitan pornografi kanak-kanak; kesalahan ter-

hadap aktiviti pengantunan kanak-kanak (*child grooming*); kesalahan berkaitan dengan amang seksual (*sexual assault*); kesalahan amang seksual fizikal; kesalahan amang seksual bukan fizikal.

Elemen lain mengandungi peruntukan mengenai hukuman dikenakan terhadap orang yang mempunyai hubungan kepercayaan dengan kanak-kanak bagi kesalahan dilakukan mengikut rang undang-undang berkenaan dan peruntukan mengenai kebolehpercayaan serta keterangan saksi.

Rang undang-undang itu dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said. Bacaan kali kedua dan ketiga dijangka dilaksanakan pada mesyuarat sama.

Budak bawah 18 tahun

Rang undang-undang mengandungi 26 fasal dan tujuh bahagian itu yang terpakai bagi kanak-kanak berumur bawah 18 tahun turut memperuntukkan pemakaian luar wilayah.

Jika sesuatu kesalahan dilakukan mengikut akta yang akan dinamakan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 oleh rakyat Malaysia

terhadap kanak-kanak di luar negara, individu berkenaan boleh disabitkan kesalahan itu seolah-olah ia dilakukan dalam negara.

Rang undang-undang berkenaan antaranya memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan tidak kurang enam sebatan bagi kesalahan membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, mengambil bahagian, menyertai atau membabitkan diri dengan apa-apa cara dalam pembuatan, penghasilan atau pengedaran pembuatan atau penghasilan sebarang pornografi kanak-kanak.

Fasal enam pula memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak.

Di bawah fasal tujuh, individu disabitkan dengan kesalahan menggunakan atau menyebabkan seorang kanak-kanak digunakan dalam persediaan untuk membuat, menghasilkan atau dalam persediaan untuk mengarahkan pembuatan atau penghasilan

boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan tidak kurang lima sebatan.

Fasal 8 memperuntukkan hukuman bagi kesalahan bertukar-tukar, menerbitkan, menjual, menyewakan, mengedar, menunjukkan, mengiklankan, menghantar, menggalakkan, mengimport, mengeksport, menyampaikan, menawarkan atau menjadikan tersedia, mengikut apa-apa cara dan apa-apa pornografi kanak-kanak.

Penjara maksimum 15 tahun

Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 15 tahun dan tidak kurang tiga sebatan. Hukuman sama juga tertakluk bagi kesalahan memperoleh, mengumpul atau meminta apa-apa pornografi kanak-kanak atau mengambil bahagian dalam atau menerima keuntungan daripada apa-apa perniagaan.

Bahagian tiga rang undang-undang itu mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan berkaitan pengantunan kanak-kanak yang dirangtum dalam tiga fasal. Jika sabit kesalahan pengantunan kanak-kanak, hukuman penjara maksimum lima tahun dan sebatan boleh dikenakan.